

08 JUL 1999

MSC-Keyakinan

MSC TUMPUAN SYARIKAT IT TEMPATAN DAN ASING

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Keyakinan tokoh-tokoh industri teknologi maklumat terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia boleh dilihat daripada bilangan syarikat yang telah menerima status MSC.

Sehingga hari ini, lebih kurang 225 syarikat telah memperolehi status berprestij itu daripada 285 syarikat yang memohon dan 21 termasuk lapan syarikat bertaraf MSC, telahpun berada di Cyberjaya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penggerak di sebalik kejayaan MSC, jelas gembira dengan bilangan syarikat yang telah melampaui sasaran asal 50 syarikat menjelang tahun 2003.

"Kita jelas di hadapan sasaran," katanya pada pelancaran Cyberjaya, satu daripada bandar raya pintar di dunia dan nadi MSC di sini, hari ini.

Yang penting ialah, kini sudahpun ada 32 pembentuk web bertaraf dunia yang telah memperolehi taraf MSC.

Antara syarikat-syarikat utama yang telah menunjukkan minat dalam MSC ialah Nippon Telegraph and Telephone Corp (NTT) dari Jepun, Motorola Inc dan Microsoft dari Amerika Syarikat.

Malaysia telah membentuk MSC untuk membantu syarikat-syarikat antarabangsa menguji had teknologi maklumat dan menyediakan diri mereka untuk cabaran masa depan.

MSC juga akan mempercepatkan kemasukan Malaysia ke era teknologi maklumat dan melaluinya, membantu merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

MSC wilayah pintar seluas, 750 km persegi menganjur dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang terbesar dan terancang di rantau ini.

Cyberjaya merupakan satu daripada dua bandar raya pintar di MSC -- sebuah lagi ialah Putrajaya, yang merupakan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan dan kedua-duanya merupakan bandaraya pintar yang pertama di dunia.

Cyberjaya akan menempatkan antara lain, industri-industri multimedia, pusat penyelidikan dan pembangunan, sebuah universiti multimedia dan ibu pejabat operasi syarikat-syarikat multinasional.

Di sebalik tanggapan umum, Cyberjaya bukanlah kelab eksklusif tetapi sebenarnya terbuka kepada semua dengan tanah-tanah tapak kediaman dan komersil dijual kepada umum.

Hanya tanah-tanah yang dikhaskan sebagai "Tanah Perusahaan" adalah bagi syarikat-syarikat multimedia dan teknologi maklumat sahaja.

Cyberjaya akan menjadi bandar lengkap dengan penduduk dianggarkan 240,000 orang.

-- BERNAMA

TM PR